

Membaca selera dan kehendak pengundi



**MOHD.
NIZAR SUDIN**

PENYALURAN sumber maklumat melalui internet adalah fenomena tanpa sempadan dalam kalangan rakyat terutamanya generasi muda. Pada 2014, laporan *Google Barometer* menyatakan lebih 51 peratus pengguna di Malaysia menggunakan telefon pintar untuk mengakses internet. Laporan itu juga menyebut 73 peratus belia berusia 18 hingga 24 tahun menggunakan internet setiap hari manakala 63 peratus pengguna pula berumur sekitar 35 hingga 44 tahun. Pencetus kepada lonjakan ini disebabkan inisiatif Pakej Komunikasi Belia pada 2012.

Di negara ini kita dapati generasi muda sangat mahir menggunakan media sosial untuk menyuarkan sokongan dan protes mereka terhadap sesuatu. Arus globalisasi sememangnya cepat meresap dalam kalangan belia muda. Ternyata, pengaruh globalisasi membuatkan ramai anak muda kehilangan jati diri dan nilai keperibadian. Namun harus diakui mereka belum cukup pintar menggunakan teknologi itu untuk menjalin atau menemukan sebarang bentuk hubungan yang konsensus, lagi membangun. Antara langkah dalam menjayakan misi ini adalah mengumpul maklumat berfakta berkenaan aspek aspirasi politik parti kepada pengundi.

Jadi, persoalan yang perlu dijawab adalah: Jika media sosial satu media salur yang berpengaruh, apakah itu ditakrifkan demokrasi di era internet? Justeru, institusi apa yang ingin kita bangunkan untuk masyarakat abad globalisasi?

Kaji selidik menunjukkan perkembangan telefon pintar di Malaysia berkembang pada kadar satu peratus setahun. Pada 2014, terdapat sembilan juta pengguna telefon pintar dan dianggarkan bertambah kepada 17.8 juta tahun ini. Daripada angka itu, 84 peratus menggunakannya untuk melayari media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram untuk pelbagai akses maklumat.

Di samping itu, muncul kebimbangan bahawa menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) ini,



PARTI politik atau calon yang kalah dalam PRU lalu sudah pasti mahu memperbaiki diri dengan strategi dan peraturan baharu bagi membetulkan kesalahan lama. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA

mungkinkah terjadi tekanan pada pengundi kerana penyaluran maklumat melalui telefon pintar dilihat sebagai teknik yang berkesan dan menekan pengundi. Justeru, didapati media sosial bukan hanya menyalurkan suara secara individu, bahkan membantu mempengaruhi proses pemilihan secara keseluruhan. Inilah trend masa kini dan kita bertanggungjawab atas keberkesanan penyampaian maklumat ini bersama-sama.

Justeru, apakah maknanya bagi calon yang ingin menyebarkan informasi yang mereka ingin sampaikan kepada pengundi? Adakah isu penggunaan media sosial atau kriteria calon yang bertanding akan mempengaruhi undi dalam pilihan raya umum yang bakal diadakan nanti? Di saat kita berfikir yang menjadi pertanyaan besar apakah yang perlu dilakukan untuk meraih sokongan.

Apakah ada sesuatu di mana pengkaji politik tidak mengerti atau apakah ada faktor yang lebih sesuai dalam memahaminya? Secara umum, kita dapat melihat pada faktor seperti keseimbangan penggunaan media sosial dan kriteria calon sebagai kombinasi terbaik. Maka, kombinasi itu dapat memberi indikator menang atau kalah seseorang calon. Sekali gus bermakna kempen politik yang berkesan harus menjurus kepada penyaluran maklumat mengubah arah dari ideologi bangsa ke ideologi nasionalisme. Juga ditekan kehebatan kriteria calon yang mampu meyakinkan pengundi mengenai kepentingan isu kemajuan dan kemakmuran negara.

Hasil kajian Dr. Junaidi Awang

Besar dan Profesor Dr. Mohd. Fuad Mat Jali (2014) mendapati bahawa kriteria jujur dan amanah, mesra rakyat dan bersih daripada rasuah mendapat tempat di hati pengundi belia. Namun, apakah penunjuk arah sokongan akan berubah dalam suasana politik sekarang atau faktor lain seperti isu yang dimanipulasi akan mengubah persepsi politik pada PRU-14?

Tidak dinafikan, sebahagian besar pakar politik akan merumuskan bahawa jika mahu menang dalam PRU-14, parti politik serta calon perlu beradaptasi. Parti politik atau calon yang kalah dalam PRU lalu sudah pasti mahu memperbaiki diri dengan strategi dan peraturan baharu bagi membetulkan kesalahan lama.

Kita semua setuju bahawa Malaysia sedang bergerak menuju model negara maju dan masyarakat maju abad 21. Namun apa yang dititikberatkan di sini adalah soal kredibiliti melibatkan parti, calon dan janji dalam memastikan kemenangan sesebuah parti. Kehilangan banyak kerusi oleh Barisan Nasional (BN) dalam PRU-13 menunjukkan penurunan penguasaan majoriti dua pertiga kerusi Parlimen. Ini seterusnya menyaksikan hilang penguasaan di Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan.

Ketika itu fenomena politik bandar banyak tempias kepada pembangkang disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik melalui saluran media sosial. Jangkaan sokongan padu pengundi Cina yang kebanyakannya menguasai bandar serta sokongan golongan profesional dan pe-

ngundi muda juga dilihat sebagai penyumbang kepada kemenangan pakatan pembangkang.

Ia juga disebabkan oleh ketidakpuasan hati pengundi berkenaan isu seperti rasuah dalam kalangan penjawat awam dan kurangnya sensitiviti pemerintah terhadap keperluan dan kehendak rakyat. Ditambah pula isu perkauman yang sering dijaja oleh pembangkang bagi meraih sokongan.

Justeru, seseorang calon yang dipilih kelak harus mempunyai aspirasi dan nilai sosial yang murni. Calon tidak sekadar menilai cara yang baik untuk mencapai tujuannya tetapi juga menentukan nilai dari tujuan itu sendiri. Idea kecil ini menjelaskan mengapa calon mampu menang namun pada masa sama sedikit sekali pula orang maklum mengenai dirinya. Persoalan yang penulis maksudkan ialah:

- Apa tujuan calon bertanding?
- Apa alasan calon bertanding?
- Apa keyakinan calon bertanding untuk menang?
- Mengapa memilih calon tersebut?
- Mengapa pengundi harus ambil peduli tentang calon yang bertanding?

Lantas, cara calon berfikir, bertindak dan berkomunikasi ketika berkempen perlu bermula dari situasi yang tidak jelas kepada yang paling jelas. Calon yang bertanding harus memastikan maklumat berikut sampai ke telefon pintar pengundi. Cuma, tentangan yang bakal dihadapi calon yang pasti menempuh cabaran getir dalam PRU-14 nanti adalah berkaitan tentangan penggunaan teknologi. Ya, teknologi sahaja tidak akan mampu memberikar kemenangan, namun itu menjadi platform penting untuk membangunkan komunikasi dua hala dengan pengundi.

Rumusannya, pendekatan adaptasi yang bersesuaian dengan kehendak selera pengundi harus diambil serius bagi meraih sokongan mereka. Hal ini amat penting kerana calon yang seimbang dari segi persediaan karakter yang tinggi pasti mendapat tempat di hati pengundi muda sebagai *winnable candidate*.

DATUK MOHD. NIZAR SUDIN

ialah Penganalisis Politik merangkap Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia.